



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 15 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TEKNOLOGI MODEN LONJAK INDUSTRI DAGING, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PESAWAH KELANTAN RUGI LEBIH RM2.3J AKIBAT BANJIR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3.	PAKAR NAVIGASI PERANG TERNAK KAMBING, NEGARA, KOSMO, M/S – 16	LAIN-LAIN
4.	IKAN KETUTU DIGELAR HODOH, RUPA HANTU TETAPI BERNILAI, NEGARA, KOSMO, M/S – 16	
5.	PULUHAN RIBU KELAPA TIDAK DAPAT DIPETIK AKIBAT BANJIR TERMENUNG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 30	
6.	KARNIVAL SAWAH TANJUNG KARANG ERAT HUBUNGAN KOMUNITI DAN UPM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	
7.	GI BID TO SAFEGUARD DURIANS, NATION, THE STAR, M/S – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2025	KOSMO	NEGARA	14

Teknologi moden lonjak industri daging

PETALING JAYA - Penggunaan teknologi moden dalam industri daging dilihat mampu meningkatkan pengeluaran secara ketara sekali gus menjamin bekalan yang lebih stabil kepada pengguna.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, industri daging tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada kaedah tradisional, sebaliknya perlu bergerak seiring dengan kemajuan teknologi bagi meningkatkan kecekapan operasi tanpa menjejaskan pematuhan syariah dan kebajikan haiwan.

Menurutnya, penggunaan sistem penyembelihan moden membolehkan proses dilakukan dengan lebih tersusun, selamat dan pantas, sekali gus mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran di sesebuah fasiliti.

"Dengan teknologi yang sesuai dan patuh syariah, sebuah fasiliti mampu menyembelih sekitar 18 hingga 20 ekor lembu sejam.

"Ini satu peningkatan besar berbanding kaedah konvensional dan memberi kesan langsung kepada jumlah hasil daging yang dapat dikeluarkan,"

katanya menerusi hantaran di media sosial semalam.

Ujarnya, kecekapan proses tersebut membolehkan kos operasi dikawal dengan lebih baik, selain mempercepatkan rantai bekalan daripada ladang ke pasaran.

"Kos yang lebih terkawal dan bekalan yang lebih pantas akhirnya memberi manfaat kepada semua pihak termasuk penternak dan pengguna.

"Pada masa sama, aspek halal, kebersihan serta keselamatan makanan tetap menjadi keutamaan," ujarnya.

Beliau menegaskan bahawa penerapan teknologi bukan bertujuan mengeneipkan nilai tradisi, sebaliknya untuk memperkukuh rantai makanan negara agar lebih mampan dan berdaya saing dalam jangka panjang.

"Pertanian dan industri makanan hari ini mesti memanfaatkan teknologi secara bertanggungjawab.

"Insya-Allah, kementerian ini akan terus menyokong penggunaan teknologi yang mampu mempercepatkan pengeluaran serta memastikan bekalan daging negara mencukupi, selamat dan berkualiti," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	19



Khalid (duduk tengah) bersama bekas kakitangan KADA sempena Majlis Jasamu Dikenang 2025 KADA di Kota Bharu, semalam. (Foto Hidayatidayu Razali/BH)

Pesawah Kelantan rugi lebih RM2.3j akibat banjir

269 petani terkesan tanaman musnah ketika bah gelombang pertama

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menaksir kerugian lebih RM2.3 juta

akibat padi ditenggelami banjir, baru-baru ini.

Pengerusi KADA, Khalid Abdul Samad, berkata kerugian itu membabitkan 269 petani dengan keluasan sawah sebanyak 741 hektar.

Katanya, petani yang terkesan dengan banjir membabitkan sawah padi di Tumpat, Pasir Puteh dan Bachok ketika banjir gelombang pertama yang lalu.

"Alhamdulillah sejak tahun lalu semua petani berdaftar di bawah Skim Takaful Tanaman Padi dan kita bantu mereka membuat tuntutan ganti rugi.

"Tuntutan ini berjumlah lebih

RM2.2 juta yang akan dibayar dalam tempoh antara 30 hingga 60 hari. Skim takaful ini akan membayar RM3,000 bagi setiap hektar.

"Kerugian padi yang dibayar ialah tanaman berusia 76 hari, iaitu padi hampir masak," katanya ketika ditemui pada Majlis Jasamu Dikenang 2025 KADA di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa.

KADA bersih saliran

Khalid berkata, 7,200 pesawah di bawah seliaan KADA dan 90 pe-

ratus daripada mereka berdaftar dengan Skim Takaful Tanaman Padi. Kerajaan menanggung caruman skim ini sebanyak RM50 juta dan pesawah perlu mendaftar untuk mendapatkan faedah.

"Bagi persediaan menghadapi musim banjir gelombang kedua dan untuk mengelakkan sawah padi rosak, KADA mengambil pendekatan membersihkan saliran perairan sepanjang 58 kilometer (km) dengan kos RM700,000.

"Kita harap banjir gelombang kedua tidak berlaku kerana penanaman padi untuk musim kedua tahun ini sudah bermula pada 1 Disember lalu," katanya.

Pakar navigasi perang ternak kambing

- Bekas pegawai TLDM raih pendapatan lumayan
- Bermula dengan modal RM50,000

Oleh NOR AINNA HAMZAH

KUALA PILAH – Seorang bekas pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang mahir dalam ilmu navigasi peperangan di laut dan darat, menggunakan sepenuhnya segala pengalaman dimilikinya dalam bidang keselamatan makanan untuk haiwan ternakan.

Mohamed Adib Abdul Razak, 35, berkata, dia mahu membantu memperkukuhkan keselamatan makanan ekor kitar sara diri bagi makanan kambing dan biri-biri di negara ini hanyalah sekitar 10.7 peratus sahaja.

Katanya, segala 10 prinsip peperangan seperti pemilihan, pengedaran misi serta pentadbiran diimplementasi sepenuhnya dalam projek berek biri yang dilaksanakan sejak dua tahun lalu di Kampung Kabong, Inas di sini.

"Benda lebih kurang sama untuk negara cuma laluan dan cabangnya berbeza. Jadi saya



MOHAMED ADIB memberi haiwan ternakannya makan ketika ditemui di Kampung Kabong, Inas, Kuala Pilah baru-baru ini.

“

Tahun lepas saya jual 130 ekor kambing dan biri-biri dengan pendapatan RM250,000.”

pilih cabang ini disebabkan ingin menambah pendapatan dan menyumbang juga kepada keselamatan makanan.

“Saya bermula dengan modal RM50,000 di Hulu Langat, Selangor, namun tidak berjaya sebelum berpindah ke Sepri di Rembau. Di situ pun saya gagal sebelum membuka ladang di sini,” katanya.

Menurut Mohamed Adib, bermula dengan 10 ekor biri-biri, kini dia memiliki lebih 100 ekor dan mampu membekalkan baka kepada penternak baharu di sekitar Negeri Sembilan dan Kedah.

Tambahnya, pendapatannya terbahagi kepada tiga iaitu daging, makanan sedia makan dan ternakan.

“Tahun lepas saya jual 130 ekor kambing dan biri-biri dengan pendapatan RM250,000. Saya juga menanam rumput napier seluas empat ekar” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2025	KOSMO	NEGARA	16

Ikan ketutu digelar hodoh, rupa hantu tetapi bernilai

PARIT – Ikan ketutu yang digelar dengan panggilan hantu, hodoh atau haruan bodoh sebenarnya mempunyai harga tinggi apabila dijual sehingga RM120 sekilogram (kg) dalam pasaran tempatan.

Nelayan dan peraih ikan sungai liar, Mohammad Shahrul Buari, 38, berkata, mendapatkan ikan itu bagaikan *jackpot* seolah-olah menemui ketulan emas kecil.

"Sekiranya mendapat seekor, sudah cukup untuk mencirikan nelayan kerana ia menjadi buruan utama bagi pengusaha restoran makanan Cina.

"Lebih menarik, ikan yang habitat dan suka menyorok dalam kawasan semak dalam Sungai Perak ini ibarat bermusim iaitu banyak menjelang sambutan Tahun Baru Cina setiap tahun," ka-



MOHAMMAD SHAHRUL menunjukkan ikan ketutu yang digelar hantu atau hodoh tetapi bernilai kerana rasanya yang manis dan isinya yang padat.

tanya ketika ditemui di Kampung Teluk Perang di sini semalam.

Menurut Mohammad Shahrul, ikan itu boleh mencecah RM120 1 kg dan purata berat yang ditangkap nelayan boleh mencecah sehingga 4 kg.

"Isinya yang padat, lembut dan manis menyebabkan ia digemari lagi-lagi bersifat liar di Sungai Perak.

"Ada dakwaan ia berhasiat mampu mengurangkan penyakit darah tinggi dan semput," katanya.

Ujarnya, ia sedap dimasak goreng, disira dengan sos masam manis, tomato atau dimasak stim bersama sos tiram, minyak bawang putih, hirisan nipis halia muda dan sedikit perahan limau nipis.

3/7/2025

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Puluhan ribu kelapa tidak dapat dipetik akibat banjir termenung

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamula.com.my

BAGAN DATUK: Seorang pekebun dan peraih kelapa di Rungkup di sini mengalami kerugian ribuan ringgit selepas kebun kelapanya ditenggelami banjir termenung sejak sebulan lalu.

Norman Maizuki, 39, berkata, keadaan itu menyebabkan ribuan biji kelapa tidak dapat dipetik menyebabkan kelapa tua yang biasanya diproses menjadi santan kini rosak, busuk dan bercambah.

Menurutnya, keadaan itu bukan sahaja menjejaskan bekalan santan malah menyukarkan proses pengeluaran produk berasaskan kelapa seperti minyak masak.

"Kelapa yang sudah bermacam-bagai tidak boleh dijadikan santan. Ia hanya sesuai diproses menjadi minyak masak namun

prosesnya lebih panjang dan memerlukan kos tambahan.

"Saya membeli kelapa dari pada pekebun pada harga 50 sen sebiji. Untuk mendapatkan satu kilogram kelapa salai untuk dibuat minyak masak, ia memerlukan kira-kira lima hingga enam biji kelapa," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Norman berkata, banjir termenung menyukarkan kerja-kerja mengutip hasil apabila buah kelapa terendam sepenuhnya, sekali gus menyebabkan sebahagian besar hasil rosak.

"Saya anggarkan kira-kira 30,000 biji kelapa milik saya dan pekebun sekitar Rungkup terjejas akibat banjir termenung ini," katanya.


Menurutnya, dia tetap membantu pekebun lain yang tidak dapat mengeluarkan hasil dari kebun dengan cara membeli kelapa yang sudah bercambah.

"Saya tetap membeli kelapa pekebun walaupun sudah bercambah bagi membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup," katanya.

Norman berkata, dia bimbang sekiranya air bertakung berlarutan, lebih banyak buah kelapa akan rosak dan menjejaskan pendapatan pekebun serta peraih.

"Banjir termenung ini turut menyukarkan pergerakan kami di kebun kelapa kerana sukar membezakan antara parit dan tanah. Kami pernah nyaris terjatuh ke dalam parit yang dalam," katanya.

Sehubungan itu, dia berharap pihak berkaitan dapat mencari penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir termenung di kawasan berkenaan bagi mengelakkan kerugian lebih besar pada masa hadapan.



NORMAN MAIZUKI menunjukkan kelapa yang dibeli daripada penduduk yang sebahagiannya sudah bercambah akibat terendam dalam banjir ketika tinjauan di Rungkup, Bagan Datuk, Perak semalam. - **UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**

Karnival Sawah Tanjung Karang erat hubungan komuniti dan UPM

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Karnival Sawah Tanjung Karang yang dianjurkan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) mendapat sambutan dan penyertaan menggalakan daripada orang ramai.

Pengarah UCTC-UPM, Prof. Madya Dr. Khairulmazmi Ahmad berkata, penganjuran karnival itu menerima sambutan khususnya daripada penduduk setempat dan berjaya mengeratkan hubungan antara universiti dengan komuniti luar bandar.

"Karnival ini bukan sahaja menjadi platform untuk memperkenalkan teknologi pertanian dan produk tempatan malah berjaya menghubungkan masyarakat dengan kepakaran universiti dalam suasana santai dan mesra keluarga.

"Karnival dua hari ini menampilkan komitmen UPM dalam memacu transformasi komuniti melalui pendekatan pendidikan, keusahawanan dan kebudayaan sejajar dengan peranan universiti sebagai



AKTIVITI mencanting batik turut mendapat sambutan pengunjug Karnival Sawah Tanjung Karang yang dianjurkan UPM di Tanjung Karang, Selangor, semalam.

pemacu pembangunan lestari masyarakat," katanya semalam. Karnival tersebut menyajikan pengunjug dengan gabungan aktiviti tradisional dan makanan warisan seperti pertandingan gusti lengan gaya kampung serta pertandingan

makanan warisan bertemakan masakan Jawa.

Beberapa aktiviti interaktif seperti kuiz agro dan cabutan bertuah turut dianjurkan sekaligus menghidupkan suasana di sekitar tapak karnival dan menggalakan pengunjug untuk ter-

us aktif sepanjang hari. Khairulmazmi berkata, Pusat Kukurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKKPP) juga menganjurkan sesi pembuatan jem nanas diikuti dengan demonstrasi masakan tempatan oleh Pertubuhan Jawa Parlimen Tanjung Karang.

"Majlis penutup turut memvaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan, penyerahan sijil kepada agensi dan rakan kerjasamas serta cabutan bertuah terakhir sebagai penutup tirai yang meriah," katanya.

TARIKH

3/7/2025

MEDIA

UTUSAN
MALAYSIA

RUANGAN

DALAM
NEGERI

MUKA
SURAT

10

GI bid to safeguard durians

MyIPO urges registering to protect Malaysia's varieties

By SHYAFIQ DZULKIFLI
and YUEN MEIKENG
newsdesk@thestar.com.my

Star Plus
Interactive
storytelling
with data

Check out TheStar.com.my

PETALING JAYA: Durian producers have been urged to register their varieties locally and abroad to better protect the fruits of their labour.

The call came from the Malaysian Intellectual Property Corporation (MyIPO) and an intellectual property lawyer, in response to questions by *The Star* on safeguarding the nation's favourite fruit.

MyIPO director-general Yusnieza Syarmila Yusoff said more farmer groups, producers and state agencies should consider Geographical Indication (GI) registration for unique, region-linked durian varieties.

A GI identifies products as originating from a specific place, where their quality, reputation or unique characteristics are closely tied to that location.

In Malaysia, applications for GI registration can be filed with MyIPO by eligible producers, associations or competent authorities representing them.

"GI registrations ensure that only producers within the designated geographical areas who meet the required specifications may use these names, preventing parties outside the region from exploiting or misrepresenting these well-known Malaysian durian varieties."

"GI protection also enables genuine producers to enjoy stronger branding and premium pricing because consumers recognise the authenticity and unique qualities linked to the specific geographical origin," she explained.

Four durian varieties are among 128 items that have been registered with MyIPO. They are Musang King, Black Thorn, Durian Balik Pulau (Penang) and Durian Nyekak Sarawak.

While these are legally protected in Malaysia under the Geographical Indications Act 2022, international protection requires separate registration in foreign jurisdictions.

"Although Malaysia recognises and protects these durians domestically, they have not yet been registered overseas."

"MyIPO continues to work with

relevant ministries and authorities to explore avenues for international GI protection."

Yusnieza added that expanding GI registrations would reinforce Malaysia's identity and heritage in regional agricultural debates.

"The recognition of Musang King, Balik Pulau and Black Thorn as GIs strengthens Malaysia's position as the authentic origin of these globally-renowned varieties."

"It highlights the connection between their unique qualities and Malaysia's environment, cultivation practices and local communities," she said.

An intellectual property lawyer also explained that Malaysia can protect the identity of durian varieties from being exploited overseas.

Durian growers can engage an intellectual property (IP) practitioner to file such rights internationally, said Bar Council intellectual property committee co-deputy chairman Foong Cheng Leong.

"To make a GI claim for a durian variety as an exclusive Malaysian product, an application should be filed with each country's designated government department that handles IP. Each country has its own system for such applications," he said.

Globally, GI is often used for wines, spirits and agricultural products, such as Darjeeling tea from India and feta cheese from Greece.

Another way to protect Malaysian durians is through brand names that only licensed producers can use.

The Agriculture and Food Security Ministry has received two proposals seeking recognition of national fruits: one for durian and another for pineapple.

Malaysia's push to designate durian as the national fruit has sparked opposition from Indonesia, which claims the right based on its larger production.

Foong said any country can

Top durians in Malaysia

Musang King

Flavour: Creamy and bitter sweet
Flesh texture: Butter-like thick flesh
Flesh colour: Bright yellow
Characteristics:
■ Pyramid-like spikes that are wide and spaced apart
■ Distinct five to six-point brown star at the bottom of the fruit
■ Visible, vertical seams connecting a flat crown surrounding the stem

Black Thorn

Flavour: Sweet
Flesh texture: Rich, creamy, fiberless and sticky
Flesh colour: Dark orange with reddish hue
Characteristics:
■ The shell is grey-green
■ Has a stubby short stem
■ Has a bald bottom with a dark brown spot

IOI

Flavour: Mildly sweet and slightly sour
Flesh texture: Creamy/buttery
Flesh colour: Pale yellow
Characteristics:
■ Thorns are long, conical and very sharp, which usually spread out in all directions
■ Thin outer husk but thick core
■ Its husk often has an inward fold

Red Prawn

Flavour: Sweet, fruity and subtly bitter, fermented taste
Flesh texture: Creamy, sticky, smooth and fibreless
Flesh colour: Slightly pinkish
Characteristics:
■ Thick shell and small fruits
■ Short and widely spaced spikes
■ Dusky brown shell with elongated shape

D24

Flavour: Bitter with hints of sweetness
Flesh texture: Thick and creamy
Flesh colour: Pale yellow
Characteristics:
■ Homogenous green/greenish-yellow
■ Thorns tend to cluster together
■ Relatively short stem with small brown ring around it



TheStar graphics

claim a fruit as its national fruit.

Durian Manufacturers Association president Eric Chan said the association is ready to file the necessary registrations.

"The Agriculture Department has asked us to take it up, and we have provided our information."

The association's treasurer, Dr Tan Sue Yee, added that registration is an ongoing process, and they are collaborating with authorities to protect durians abroad.

Supporting the move, the

Federation of Malaysia Fruit Farmers' Association said GI protection offers long-term value, particularly as demand for Malaysian durians in markets such as China, Europe and the United States continues to grow.

"However, any expansion of GI registration must be industry-driven, inclusive of smallholders, and supported by clear legal frameworks to prevent misuse of Malaysia's overall durian reputation," it added.